

# PERARAKAN BERJUBAH GRADUAN 2008



Untuk kali kedua berturut-turut, UMS telah menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2008 yang diadakan pada 21 Ogos 2008 di tengah-tengah bandaraya Kota Kinabalu. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon serta Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan UMS. Turut serta dalam perarakan tersebut ialah Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur serta beberapa orang graduan SPE. Perarakan tersebut turut disaksikan oleh tetamu kehormat, Yang Berbahagia Datuk Ilyas Ibrahim, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Majlis tersebut telah berlangsung dengan penuh meriah diadakan bagi memperkenalkan UMS kepada masyarakat selain memberi pengiktirafan kepada graduan dan memberi penghormatan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.